

TARIKH: 7/9/23  
SURAT KHABAR: Harian Metro  
MUKA SURAT: 19

## KEKURANGAN PEKERJA ASING TIGA SEKTOR

# Tidak lebih 30,000

Oleh Ruwaida  
Md Zain  
am@hmetro.com.my

Klang

Kekurangan pekerja asing bagi tiga sektor membabitkan kedai gunting rambut, tekstil dan kedai emas dalam negara setakat ini tidak melebihi 30,000 orang.

Menteri Sumber Manusia V Sivakumar berkata, ia berikutan kementeriannya menerima pelbagai aduan daripada ketiga-tiga sektor berkenaan berhubung keperluan mengambil pekerja warga asing.

Bagaimanapun, katanya, jumlah sebenar pengambilan pekerja asing itu akan dimuktamadkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri esok.

"Kita sememangnya memahami keperluan mendesak ketiga-tiga sektor terbabit. Susulan itu, satu perbincangan terperinci di peringkat Kabinet perlu dilakukan bagi menentukan jumlah pekerja dan mekanisme terbaik menyelesaikan-



SIVAKUMAR (tengah) meninjau premis tiga sektor membabitkan kedai gunting rambut, tekstil dan kedai emas di Little India, Jalan Tengku Kelana, Klang. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

**"Jumlah sebenar pengambilan pekerja asing itu akan dimuktamadkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri "**

nya," katanya selepas meninjau premis perniagaan

di Little India, Jalan Tengku Kelana, di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan meluluskan sebahagian permohonan pengambilan pekerja asing bagi tiga sektor itu yang dibekukan sebelum ini.

Bagaimanapun, Anwar meletakkan syarat agar go-

longan belia tempatan diberikan latihan bagi mengisi keperluan tenaga kerja di tiga sektor berkenaan.

Mengulas lanjut, Sivakumar berkata pihaknya memberi jaminan akan memastikan tidak ada pihak menyalahgunakan permohonan bagi pengambilan pekerja asing dan ia akan dilaksanakan mengikut keperluan.

7/9/23

Harian Metro Lokal MS19